

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (80) dlm. KK/M-82/2/6

25 hb April, 1987

Pengarah,
Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KEJUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 5/1987

Pengesahan Untok Mendapatkan Rawatan Perubatan Diluar Negeri

Bagi pegawai kerajaan atau keluarga pegawai, prosidur-prosidur tentang rawatan perubatan diluar negeri adalah ditetapkan oleh Perintah Am Bab F, khususnya Perintah 7, 18 dan 19. Prosidur-prosidur yang telah ditetapkan itu perlu dipatohi.

2. Dari semasa kesemasa orangramai yang bukan pegawai kerajaan atau keluarga pegawai juga dihantar untok mendapatkan rawatan diluar negeri. Ada kalanya orang-orang yang berkenaan dihantar ke luar negeri dengan sumbangan dari badan-badan amal atau kutipan yang dibuat melalui akhbar. Apa yang perlu ditentukan adalah sumbangan badan-badan amal atau kutipan yang dibuat dari orangramai tidak disalah gunakan. Bagi mengesahkan kesahihan yang seseorang itu memerlukan rawatan perubatan diluar negeri dan jika rawatan tersebut akan dibiayai oleh badan amal atau kutipan dema, maka prosidur-prosidur yang tersebut dibawah hendaklah dipatohi.


- (a) Pengesahan yang seseorang itu memerlukan rawatan perubatan diluar negeri hendaklah dibuat oleh pegawai pakar. Pegawai-pegawai perubatan biasa tidak dibenarkan memberi pengesahan.
- (b) Pegawai pakar yang berkenaan hendaklah menentukan bahawa rawatan perubatan yang diperlukan itu benar-benar tidak dapat diperoleh dalam negeri.

(c) Pegawai pakar yang berkenaan hendaklah menentukan rawatan yang dicadangkan itu adalah sesuai dan "cost effective" dari segi jenis penyakit yang dihadapi dan wang yang akan dibelanjakan.

3. Setelah memberi pengesahan, maka adalah menjadi tanggungjawab pegawai pakar yang berkenaan memilih pusat rawatan yang paling sesuai dan seterusnya membuat segala peraturan mengenai penempatan pesakit tersebut ke luar negeri.


4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.
YB Timbalan Menteri Kesihatan.
YB Setiausaha Parliman.
Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian
Pegawai Kanan Perhubungan Awam.

-/re



JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN SARAWAK,
JALAN TUN ABANG HAJI OPENG,
93590 KUCHING,
SARAWAK.

87

Telefon: 56566

Kawat: DIRMED, Kuching

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: MED/1989/V.3/72

Tarikh: 24 JUN 1987.

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.

Y.B. Tan Sri,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.5/1987
Pengesahan Untuk Mendapatkan Rawatan Perubatan Di
Luar Negeri

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada surat
pekeliling tuan yang tersebut di atas dan saya ingin
mendapat nasihat tuan bahawa adakah tepat atau tidak untuk
pejabat ini menyuruh surat-surat khabar dan badan-badan amal
menghendaki pesakit-pesakit yang meminta derma wang daripada
orang awam untuk rawatan di luar Negara, diperiksa dan
diesahkan oleh pegawai-pegawai pakar kerajaan sebelum
mempertimbangkan permohonan mereka.

2. Nasihat tuan dalam hal ini sangat dihargai.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. STALIN HARDIN)
Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sarawak.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (80) dlm. KKM-82/2/6

25 hb April, 1987

Pengarah,
Perkhidmatan Perubatan & Kesihatan,
Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan Persekutuan.

SURAT PEKELILING KEJUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 5/1987

Pengesahan Untuk Mendapatkan Rawatan Perubatan Diluar Negeri

Bagi pegawai kerajaan atau keluarga pegawai, prosidur-prosidur tentang rawatan perubatan diluar negeri adalah ditetapkan oleh Perintah Am Bab F, khususnya Perintah 7, 18 dan 19. Prosidur-prosidur yang telah ditetapkan itu perlu dipatohi.

2. Dari semasa kesemua orangramai yang bukan pegawai kerajaan atau keluarga pegawai juga dihantar untuk mendapatkan rawatan diluar negeri. Ada kalanya orang-orang yang berkenaan dihantar ke luar negeri dengan sumbangan dari badan-badan amal atau kutipan yang dibuat melalui akhbar. Apa yang perlu ditentukan adalah sumbangan badan-badan amal atau kutipan yang dibuat dari orangramai tidak disalah gunakan. Bagi mengesahkan kesahihan yang seseorang itu memerlukan rawatan perubatan diluar negeri dan jika rawatan tersebut akan dibiayai oleh badan amal atau kutipan derma, maka prosidur-prosidur yang tersebut dibawah hendaklah dipatohi.

- (a) Pengesahan yang seseorang itu memerlukan rawatan perubatan diluar negeri hendaklah dibuat oleh pegawai pakar. Pegawai-pegawai perubatan biasa tidak dibenarkan memberi pengesahan.
- (b) Pegawai pakar yang berkenaan hendaklah menentukan bahawa rawatan perubatan yang diperlukan itu benar-benar tidak dapat diperolehi dalam negeri.

(28) dlm. KKM-82/2/6

29 hb Jun, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,
Negeri Sarawak,
Jalan Tun Abang Haji Opang,
93590 KUCHING.

Tuan,


Surat Pekaliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.5/1987
Pengesehan Untuk Mendapatkan Rawatan Perubatan Diluar Negeri

Saya merujuk kepada surat tuan MED/1989/V.3/72 bertarikh 24hb
June, 1987.

2. Tuan boleh memberi nasihat kepada penerbit-penerbit
akbar tempatan atau badan-badan amal tempatan kerana objektif
kita adalah untuk menentukan kutipan dari orang-orang atau sumbangan
badan-badan amal tidak disalah gunakan. Terpujulah kepada pihak-
pihak tersebut sama ada hendak menerima nasihat-nasihat itu ataupun
tidak. Kita tidak boleh memaksa mereka dalam perkara ini.

3. Sila ambil perhatian pegawai pakar yang saya maksudkan
dalam surat pekaling tersebut termasuk pakar swasta bagi pesakit-
pesakit yang bukannya pegawai kerajaan atau keluarga pegawai kerajaan.

Saya yang menurut perintah,


TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN SAIFAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Semua Pengarah Negeri dan Yayasan.

(8) dlm. KKM-82/2/6

2 hb Julai, 1987

YB Dato' (Dr) Jagjit Singh,
Pengarah Perancang & Pembangunan.

Lawatan ke Negeri Sabah, 6.7.87 - 8.7.87

Pemohonan YB Dato' untuk melawat Sabah telah saya luluskan. Ada eloknya jika lawatan-lawatan ke tempat-tempat yang jauh seperti negeri Sabah dapat dilakukan buat beberapa hari supaya YB Dato' dapat melihat dan berbincang lebih dari satu perkara dengan pihak yang berkenaan. Adalah tidak wajar bagi kita berjalan begitu jauh hanya untuk melihat satu dua project sahaja.


~~TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHARI~~
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Semua Pengarah Bahagian.

-/re